

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

29. Sila jelaskan konsep dan penampaikan landskap kehijauan di kawasan Bandar Bayan Baru.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Pada setiap tahun, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan mengenal pasti beberapa tanah lapang (taman kejiranan) mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri yang diselenggara bagi tujuan penambahbaikan kawasan landskap dan kemudahan taman untuk tujuan penduduk setempat beriadah mengikut kesesuaian kawasan dan keperluan penduduk setempat. Konsep yang diguna pakaikan bagi setiap taman adalah menyediakan perabot taman untuk semua peringkat umur masyarakat yang melibatkan aktiviti taman secara aktif dan pasif. Penyediaan laluan *jogging track*, laluan basikal, lampu solar, dataran serba guna, alatan senaman luar, alatan permainan kanak-kanak dan keselamatan awam juga diambil berat dalam perancangan pembangunan taman. Selain itu, MBPP juga melaksanakan program penghijauan dengan menanam pokok-pokok teduhan di kawasan bahu jalan awam dan pengindahan landskap di persimpangan dan bulatan jalan.

Projek-projek penghijauan dan pengindahan landskap yang telah dilaksanakan di kawasan Bayan Baru adalah seperti berikut:-

- (i) Projek menaiktaraf laluan *jogging track* dan lampu taman di tanah lapang Lintang Nibong.

- (ii) Projek menaiktaraf tanah Majlis bersebelahan Surau Bukit Gedung (Taman Poket).
- (iii) Projek menaiktaraf tanah lapang Persiaran Bayan Indah 3, Pulau Pinang
- (iv) Projek pembinaan gelanggang futsal Taman Sri Nibong, Pulau Pinang
- (v) Projek CSR MBPP - Projek pengindahan di bulatan Tun Dr. Awang, Bayan Lepas, Pulau Pinang
- (vi) Projek CSR MBPP - Projek landskap di hadapan Hotel Olive Tree, bahu Jalan Mahsuri, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Bayan Baru, Pulau Pinang.

Selain itu, bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri ke arah bandar bersih dan hijau (*Cleaner, Greener Penang*), pada tahun 2016, MBPP telah menyediakan garis panduan rezab landskap bagi permohonan pelan kebenaran merancang dan pelan parit & jalan *research and development* (R&D) untuk keseluruhan jalan di bahagian pulau termasuk kawasan di bawah kuasa Jabatan Kerja Raya (JKR). Oleh itu, MBPP mewajibkan pihak pemaju mengemukakan permohonan pelan landskap di setiap kawasan pemajuan. Ini bertujuan supaya pihak pemaju dapat menanam pokok teduhan dan melandskap di kawasan bahu jalan awam yang diserahkan kepada kerajaan.